

30 APR 1992

30/4/87 Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Mohamad Rahmat akan diberi tugas khas

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Datuk Mohamad Rahmat yang tidak dilantik semula memegang jawatan Menteri Penerangan akan diberi tugas-tugas lain untuk negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, Datuk Mohamad akan diberi tugas lain untuk berkhidmat kepada negara.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lebih lanjut apa jawatan akan diberi kepada Datuk Mohamad meskipun ramalan kuat menyatakan beliau akan dilantik menjadi Duta Malaysia ke Indonesia.

Datuk Mohamad yang memegang portfolio tersebut sejak tahun 1978 telah memberi beberapa perubahan besar dalam Kementerian Penerangan.

Sebelum itu beliau pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perusahaan.